



SEMARAK ILMU
PUBLISHING
20210328PUBK003310078-PJ

Semarak International Journal of Innovation in Learning and Education

Journal homepage:

<https://semarakilmu.my/index.php/sijile/index>

ISSN: 3030-5497



Persepsi Pelajar terhadap Kualiti Pendidikan, Kemudahan dan Aktiviti Pembelajaran di Kolej Komuniti Bagan Datuk

Student Perceptions of the Quality of Education, Facilities and Learning Activities at Bagan Datuk Community College

Norzalina Mohd Yusof^{1,*}, Nur Hidayati Sanusi², Fatin Nur Halilah Mohd Said³

¹ Kolej Komuniti Bagan Datuk, Hutan Melintang, Perak, Malaysia

² Jabatan Pengajian Am, Politeknik Sultan Idris Shah, Sungai Air Tawar, Selangor, Malaysia

³ Kolej Komuniti Masjid Tanah, Melaka, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 11 October 2025

Received in revised form 15 November 2025

Accepted 28 November 2025

Available online 13 December 2025

ABSTRACT

Kajian ini dijalankan bagi menilai persepsi pelajar terhadap kesesuaian program pengajian, kemudahan pembelajaran serta keberkesanan aktiviti pembelajaran di Kolej Komuniti. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif dengan pendekatan kajian tinjauan. Seramai 91 orang pelajar dari dua program pengajian, iaitu Sijil Sistem Komputer dan Rangkaian (SSK) dan Sijil Penyelenggaraan Motosikal Berkuasa Tinggi (SVM) telah dipilih sebagai responden menggunakan kaedah persampelan rawak berstrata. Data dikumpul melalui borang soal selidik berstruktur berasaskan skala Likert empat mata. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap persepsi pelajar terhadap kesesuaian bidang pengajian, kemudahan pembelajaran dan keberkesanan aktiviti pembelajaran adalah pada tahap sangat tinggi menandakan kepuasan dan sokongan optimum dalam aspek tersebut. Namun, persepsi terhadap lokasi hanya pada tahap tinggi, berkemungkinan dipengaruhi oleh faktor aksesibiliti, pengangkutan atau persekitaran. Ini menunjukkan bahawa meskipun majoriti aspek memenuhi jangkaan pelajar, faktor lokasi masih mempunyai ruang untuk penambahbaikan agar setara dengan aspek lain. Kajian ini mencadangkan agar pihak pengurusan Kolej Komuniti terus memperkukuhkan kualiti program, menambah baik kemudahan pembelajaran dan terus merancang aktiviti yang menyokong pembangunan sahsiah pelajar.

This study was conducted to evaluate students' perceptions of the suitability of academic programs, learning facilities, and the effectiveness of learning activities at a Community College. The study employed a quantitative research design using a survey approach. A total of 91 students from two academic programs Certificate in Computer Systems and Networking (SSK) and Certificate in High-Powered Motorcycle Maintenance (SVM) were selected as respondents through stratified random sampling. Data were collected using a structured questionnaire based on a four-point Likert scale. The findings revealed that students' perceptions of the suitability of their study programs, learning facilities, and the effectiveness of learning activities were at a very

* Corresponding author.

E-mail address: norzalina@kkgbd.edu.my

Keywords:

Persepsi pelajar; kolej komuniti;
kesesuaian program; kemudahan
pembelajaran; kemahiran insaniah

*Students' perception; community
College; program suitability; learning
facilities; soft skills*

high level, indicating optimal satisfaction and support in these areas. However, perceptions of the college location were only at a high level, possibly influenced by factors such as accessibility, transportation, or the surrounding environment. This suggests that while most aspects met students' expectations, the location factor still has room for improvement to be on par with other aspects. The study recommends that the Community College administration continue to enhance program quality, improve learning facilities, and plan activities that support students' personal and character development.

1. Pengenalan

Kolej Komuniti merupakan institusi pendidikan tinggi yang ditubuhkan bagi menyediakan peluang pembelajaran kepada masyarakat tempatan, khususnya dalam bidang kemahiran teknikal dan vokasional. Sebagai institusi yang menyokong pembangunan modal insan negara, Kolej Komuniti perlu memastikan program yang ditawarkan bukan sahaja relevan dengan kehendak pelajar tetapi juga memenuhi keperluan semasa industri.

Pemilihan bidang pengajian yang bersesuaian dengan minat dan cita-cita pelajar serta kehendak pasaran kerja merupakan faktor penting dalam memastikan pelajar kekal bermotivasi sepanjang tempoh pengajian. Dalam masa yang sama, pengiktirafan daripada agensi seperti MQA serta penyediaan kemudahan pembelajaran yang lengkap menjadi indikator penting dalam menilai kualiti pendidikan yang disediakan.

Di samping itu, aktiviti pembelajaran yang dilaksanakan di Kolej Komuniti memainkan peranan penting dalam pembentukan sahsiah dan pembangunan kemahiran insaniah pelajar. Aktiviti-aktiviti ini bukan sahaja memberi ruang kepada pelajar untuk membina kreativiti dan inovasi, malah turut menggalakkan kerjasama, komunikasi, nilai kepimpinan dan kejujuran dalam kalangan pelajar.

Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan bagi menilai persepsi pelajar terhadap kesesuaian program pengajian, kemudahan serta keberkesanan aktiviti pembelajaran di Kolej Komuniti. Hasil kajian ini diharapkan dapat menjadi panduan kepada pihak pengurusan institusi dalam menambah baik mutu pendidikan serta pengalaman pembelajaran pelajar secara menyeluruh.

2. Kajian Literatur

Kesesuaian bidang pengajian yang ditawarkan oleh institusi pendidikan tinggi dengan minat pelajar dan keperluan industri merupakan faktor penting dalam menentukan keberkesanan dan kejayaan jangka panjang sistem pendidikan. Menurut Corts *et al.*, [1], kepuasan pelajar terhadap kurikulum yang ditawarkan berkait rapat dengan kebolehsediaan mereka untuk memasuki dunia pekerjaan, khususnya apabila kurikulum tersebut disesuaikan dengan kehendak industri semasa. Hal ini turut disokong oleh Vinto [2] yang menyatakan bahawa integrasi sosial dan akademik dalam sistem pendidikan mampu meningkatkan komitmen pelajar terhadap pengajian mereka. Justeru, bidang pengajian yang bersifat praktikal dan relevan bukan sahaja menarik minat pelajar, malah berperanan penting dalam memperkukuh hubungan antara institusi pendidikan dan industri.

Dari sudut kemudahan pembelajaran, lokasi kampus, serta sokongan kewangan seperti biasiswa dan yuran yang berpatutan, faktor-faktor ini memberi kesan langsung kepada keselesaan dan pengalaman pelajar sepanjang tempoh pengajian. Kajian Gunarto [3] menunjukkan bahawa penglibatan pelajar dalam pembentukan pengalaman pembelajaran (co-creation) boleh meningkatkan kepuasan mereka terhadap persekitaran institusi. Selain itu, nasihat akademik dan perkhidmatan pelajar yang mesra serta menyeluruh merupakan antara aspek penting dalam menyokong kejayaan pelajar [4]. Kajian Spanierman *et al.*, [5] pula menekankan pentingnya

kewujudan komuniti pembelajaran yang inklusif dalam membantu pelajar membina rasa kekitaan dan keterlibatan dalam aktiviti akademik.

Dalam aspek pembangunan sahsiah dan kemahiran insaniah pelajar, aktiviti pembelajaran yang melibatkan elemen interaktif dan kolaboratif amat berkesan. Kajian Taylor [6] menunjukkan bahawa penglibatan pelajar dalam aktiviti kepimpinan mampu meningkatkan tahap kreativiti dan keyakinan diri mereka. Kajian Kim [7] turut menyatakan bahawa penyertaan pelajar dalam aktiviti kokurikulum memberi impak positif terhadap pembentukan nilai kepimpinan. Di samping itu, Amjad *et al.*, [8] menekankan bahawa kreativiti memainkan peranan sebagai perantara antara pengalaman kepimpinan dan kejayaan akademik pelajar. Pendekatan pembelajaran koperatif pula terbukti dapat mempertingkatkan pencapaian akademik dan kemahiran sosial pelajar [9]. Tambahan pula, pembelajaran aktif (active learning) seperti perbincangan kumpulan dan pembelajaran berasaskan projek telah dibuktikan berkesan dalam meningkatkan prestasi akademik pelajar serta mengurangkan kadar kegagalan [10].

Secara keseluruhannya, literatur terdahulu menunjukkan bahawa gabungan antara kesesuaian program pengajian, sokongan pembelajaran yang kondusif, dan aktiviti yang membina sahsiah memainkan peranan besar dalam memperkukuhkan pengalaman pembelajaran pelajar di institusi seperti Kolej Komuniti.

2.1 Objektif Kajian

1. Menilai tahap kesesuaian bidang pengajian yang ditawarkan dengan kehendak pelajar dan keperluan industri.
2. Mengenal pasti persepsi pelajar terhadap kemudahan, lokasi, dan kos pembelajaran di Kolej Komuniti.
3. Menilai sejauh mana aktiviti pembelajaran membentuk nilai sahsiah.

2.2 Soalan Kajian

1. Sejauh manakah bidang pengajian yang ditawarkan di Kolej Komuniti menepati kehendak pelajar, kehendak semasa dan industri?
2. Apakah pandangan pelajar terhadap kemudahan pembelajaran, lokasi kampus, yuran pengajian, dan tawaran biasiswa di Kolej Komuniti?
3. Sejauh manakah aktiviti pembelajaran membentuk nilai sahsiah?

3. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif dengan pendekatan kajian tinjauan untuk mengumpul data secara sistematik daripada responden. Instrumen utama yang digunakan ialah borang soal selidik berstruktur yang dibina berdasarkan skala Likert empat mata, bermula dari skala 1 (sangat tidak setuju) hingga 4 (sangat setuju). Soal selidik ini bertujuan untuk menilai persepsi pelajar Kolej Komuniti terhadap keberkesanan bidang pengajian, kemudahan pembelajaran serta impak aktiviti pembelajaran terhadap pembentukan sahsiah dan kemahiran insaniah.

Populasi kajian terdiri daripada 110 orang pelajar Kolej Komuniti daripada dua program pengajian iaitu **Sijil Sistem Komputer dan Rangkaian (SSK)** serta **Sijil Penyelenggaraan Motosikal Berkuasa Tinggi (SVM)**. Berdasarkan jadual [11], saiz sampel yang diperlukan bagi populasi tersebut ialah seramai **86 orang responden**. Kajian ini menggunakan kaedah **persampelan rawak berstrata**, iaitu pemilihan sampel dilakukan berdasarkan strata tertentu seperti program pengajian atau semester bagi memastikan perwakilan yang seimbang dalam kalangan responden.

Walaupun bagaimanapun, kajian ini mempunyai beberapa keterbatasan yang perlu diakui. Pertama, ia hanya dijalankan di sebuah institusi sahaja, iaitu Kolej Komuniti, justeru dapatan tidak boleh digeneralisasikan kepada semua institusi pendidikan teknikal dan vokasional di Malaysia. Kedua, walaupun kaedah persampelan rawak berstrata digunakan, ia tetap terikat kepada populasi kecil dan khusus, yang mungkin menghadkan kebolehan kajian ini untuk menggambarkan persepsi pelajar secara lebih menyeluruh. Justeru, penyelidikan lanjutan yang melibatkan lebih banyak institusi dan kaedah persampelan berbeza dicadangkan bagi memperkukuh generalisasi dapatan.

Soal selidik telah diedarkan kepada 110 orang responden dan sebanyak 91 data responden telah diperoleh. Data yang diperoleh akan dianalisis menggunakan statistik deskriptif, termasuk pengiraan min dan sisihan piawai, bagi mengenal pasti tahap persepsi pelajar terhadap konstruk-konstruk yang dikaji. Pendekatan ini sesuai untuk memberikan gambaran umum tentang kecenderungan dan tahap persepsi pelajar dalam konteks kajian ini.

Kajian rintis telah dijalankan sebelum kajian sebenar dilaksanakan bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang dibina. Kajian ini melibatkan seramai 30 orang responden yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan sampel kajian sebenar. Tujuan kajian rintis ini adalah untuk menguji kefahaman terhadap item-item soal selidik, menilai kejelasan bahasa, serta memastikan tiada item yang mengelirukan. Selain itu, kajian rintis juga membantu penyelidik menilai prosedur pengumpulan data dan mengenal pasti sebarang kelemahan yang perlu diperbaiki. Hasil daripada kajian rintis mendapati nilai kebolehpercayaan bagi keseluruhan instrumen adalah 0.948 menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang tinggi. Berdasarkan maklum balas responden, beberapa item telah diperhalusi dan diubah suai bagi meningkatkan kejelasan serta kesesuaian dengan objektif kajian.

Dalam kajian ini, analisis deskriptif menggunakan skor min dan sisihan piawai telah digunakan bagi menilai tahap persepsi responden terhadap setiap item dalam instrumen soal selidik. Bagi tujuan interpretasi skor min, penyelidik menggunakan kaedah pembahagian julat seperti yang disarankan dalam buku-buku metodologi penyelidikan. Menurut Chua [12] dan Zaidatol [13], pembahagian julat dilakukan dengan mengambil perbezaan antara skor maksimum dan skor minimum dalam skala Likert yang digunakan, kemudian dibahagikan dengan bilangan kategori dalam skala tersebut. Skala yang digunakan dalam kajian ini adalah skala Likert empat mata, iaitu 1 mewakili 'Sangat Tidak Setuju', 2 mewakili 'Tidak Setuju', 3 mewakili 'Setuju' dan 4 mewakili 'Sangat Setuju'.

Berdasarkan kaedah ini, formula julat dikira seperti berikut: $(4 - 1) / 4 = 0.75$. Oleh itu, julat interpretasi skor min ditentukan kepada empat tahap utama seperti dalam jadual 1 :

Jadual 1

Tahap interpretasi skor min	
Skala	Tahap
1.00-1.75	Sangat Rendah
1.76-2.50	Rendah
2.51-3.25	Tinggi
3.26-4.00	Sangat Tinggi

Pembahagian ini memudahkan penyelidik untuk menganalisis tahap kecenderungan atau persepsi responden terhadap item-item yang dikaji. Kaedah interpretasi ini merupakan amalan lazim dalam penyelidikan kuantitatif yang melibatkan data berbentuk skala Likert, dan digunapakai secara meluas dalam kajian-kajian sains sosial serta pendidikan.

Secara keseluruhannya, kaedah interpretasi skor min ini memberikan gambaran yang jelas mengenai kecenderungan data yang diperoleh. Ia juga membantu penyelidik untuk membuat kesimpulan terhadap tahap sesuatu konstruk yang dikaji sama ada pada tahap sangat rendah,

rendah, tinggi atau sangat tinggi. Rujukan kepada kaedah ini adalah bertepatan dengan pendekatan yang digunakan dalam penyelidikan terdahulu seperti yang dinyatakan oleh Chua [12] dan juga Zaidatol [13].

4. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Jadual 2

Data demografi

Pendapatan	Jantina	Program	
		SSK	SVM
Kurang RM500	Lelaki	2	0
	Perempuan	4	0
RM500-RM1000	Lelaki	4	3
	Perempuan	12	1
RM1001-RM2000	Lelaki	9	8
	Perempuan	11	1
RM2001-RM3000	Lelaki	5	7
	Perempuan	2	0
RM3001-RM4000	Lelaki	2	9
	Perempuan	2	9
RM4001-RM5000	Lelaki	4	1
LEBIH RM5001	Lelaki	2	4
Jumlah	Lelaki	28	32
	Perempuan	29	2

Jadual 2, menunjukkan profil demografi responden dari segi pendapatan isi rumah, jantina dan program pengajian adalah pelbagai. Berdasarkan bilangan responden mengikut jantina, seramai 60 orang lelaki dan 31 orang perempuan terlibat dalam kajian ini. Pecahan ini menunjukkan bahawa bilangan responden lelaki adalah lebih tinggi berbanding perempuan.

Dari aspek program pengajian, majoriti pelajar lelaki mengikuti program Sijil Penyenggaraan Motosikal Berkuasa Tinggi (SVM) seramai 32 orang, manakala 28 orang lelaki mengikuti program Sijil Sistem Komputer dan Rangkaian (SSK). Berbeza dengan pelajar perempuan, seramai 29 orang mengikuti program SSK, manakala hanya 2 orang sahaja mengikuti program SVM. Ini menunjukkan bahawa program SSK lebih diminati oleh pelajar perempuan berbanding program SVM yang lebih didominasi oleh pelajar lelaki.

Dari segi pendapatan isi rumah, majoriti responden datang daripada keluarga berpendapatan dalam lingkungan RM1001 hingga RM2000, iaitu seramai 29 orang (17 lelaki dan 12 perempuan). Ini diikuti oleh kumpulan pendapatan antara RM2001 hingga RM3000 melibatkan 14 lelaki dan 2 perempuan, manakala dalam kategori RM3001 hingga RM4000, terdapat 11 lelaki dan 11 perempuan, menunjukkan agihan yang lebih seimbang.

Bagi kumpulan berpendapatan rendah, seramai 6 orang responden berasal daripada keluarga dengan pendapatan kurang daripada RM500, terdiri daripada 2 lelaki dan 4 perempuan. Selain itu, seramai 20 orang berada dalam kategori pendapatan RM500 hingga RM1000, terdiri daripada 7 lelaki dan 13 perempuan. Sementara itu, responden daripada keluarga berpendapatan tinggi (lebih RM5001) adalah seramai 6 orang, melibatkan 6 lelaki sahaja, tanpa penyertaan pelajar perempuan dalam kategori ini.

Secara keseluruhannya, analisis demografi ini memperlihatkan bahawa majoriti responden terdiri daripada pelajar lelaki yang mengikuti program SVM, manakala pelajar perempuan lebih tertumpu kepada program SSK. Dari segi sosioekonomi, sebahagian besar responden datang daripada keluarga

berpendapatan sederhana rendah, khususnya dalam julat RM1001 hingga RM3000. Maklumat demografi ini memberikan gambaran latar belakang responden yang boleh mempengaruhi persepsi dan pengalaman mereka sepanjang mengikuti pengajian di Kolej Komuniti.

Objektif 1 : Menilai tahap kesesuaian bidang pengajian yang ditawarkan dengan kehendak pelajar dan keperluan industri.

Jadual 3

Tahap kesesuaian bidang pengajian yang ditawarkan dengan kehendak pelajar dan keperluan industri

Item	Mean	Std. Deviation	Tahap
Bidang pengajian yang ditawarkan menepati kehendak dan cita-cita	3.3846	.64583	Sangat Tinggi
Bidang pengajian yang ditawarkan menepati kehendak semasa	3.4176	.65091	Sangat Tinggi
Perakuan MQA dan pengiktirafan lain yang diterima menjamin kualiti pendidikan yang disediakan	3.3846	.64583	Sangat Tinggi
Min keseluruhan	3.3956	.54413	Sangat Tinggi

Jadual 3 menunjukkan bahawa persepsi responden terhadap bidang pengajian yang ditawarkan adalah pada tahap yang sangat tinggi. Perkara ini mungkin dipengaruhi oleh isu aksesibiliti lokasi Kolej Komuniti yang kurang strategik bagi sebahagian pelajar, keterbatasan pengangkutan awam atau faktor persekitaran yang tidak sepenuhnya kondusif. Hal ini menunjukkan bahawa walaupun pelajar berpuas hati dengan bidang pengajian, kemudahan dan aktiviti pembelajaran, faktor lokasi masih mempunyai ruang untuk ditambah baik supaya sejajar dengan tahap sangat tinggi yang dicapai oleh aspek lain. Item pertama, iaitu *“Bidang pengajian yang ditawarkan menepati kehendak dan cita-cita”*, mencatatkan skor min sebanyak 3.3846 dengan sisihan piawai 0.64583, yang berada dalam kategori sangat tinggi. Ini menunjukkan bahawa persepsi tinggi pelajar terhadap kesesuaian bidang juga menandakan program pengajian yang ditawarkan relevan dengan keperluan industri semasa. Hal ini boleh dikaitkan dengan penekanan kurikulum terhadap kemahiran teknikal yang praktikal, latihan amali yang menyeluruh, serta penglibatan industri melalui program kolaborasi seperti latihan industri, ceramah pakar dan lawatan teknikal. Justeru, dapatan ini memberi implikasi bahawa usaha institusi dalam merapatkan jurang antara pembelajaran di bilik darjah dengan keperluan pasaran kerja telah berhasil, sekaligus meningkatkan keyakinan pelajar terhadap kebolehpasaran diri mereka selepas tamat pengajian.

Seterusnya, item *“Bidang pengajian yang ditawarkan menepati kehendak semasa”* memperoleh skor min yang lebih tinggi, iaitu 3.4176 dengan sisihan piawai 0.65091, juga pada tahap sangat tinggi. Ini menunjukkan bahawa program yang ditawarkan tidak hanya menepati keperluan individu pelajar tetapi juga sejajar dengan kehendak pasaran semasa dan perkembangan industri. Persepsi positif ini memperlihatkan keyakinan pelajar terhadap kebolehpasaran bidang pengajian yang mereka ikuti.

Selain itu, item berkaitan jaminan kualiti melalui *“Perakuan MQA dan pengiktirafan lain yang diterima menjamin kualiti pendidikan yang disediakan”* turut mencatatkan skor min 3.3846 dengan sisihan piawai 0.64583, yang juga berada pada tahap sangat tinggi. Ini menunjukkan bahawa pengiktirafan rasmi daripada badan akreditasi seperti MQA memberi keyakinan kepada pelajar terhadap kredibiliti program yang mereka ikuti.

Secara keseluruhannya, min keseluruhan bagi semua item adalah 3.3956 dengan sisihan piawai 0.54413, yang berada pada tahap sangat tinggi. Ini jelas membuktikan bahawa pelajar mempunyai persepsi yang amat positif terhadap program pengajian yang ditawarkan oleh institusi. Keseluruhan

dapatan ini menunjukkan bahawa institusi pendidikan berjaya menawarkan program yang memenuhi kehendak individu, keperluan pasaran semasa serta menepati standard kualiti yang diiktiraf. Persepsi ini penting dalam memastikan tahap kepuasan pelajar yang tinggi, yang seterusnya boleh menyumbang kepada kadar pengekalan pelajar dan meningkatkan imej institusi di mata masyarakat.

Objektif 2 : Mengenal pasti persepsi pelajar terhadap kemudahan, lokasi, dan kos pembelajaran di Kolej Komuniti.

Jadual 4

Persepsi pelajar terhadap kemudahan, lokasi dan kos pembelajaran di Kolej Komuniti

Item	Mean	Std. Deviation	Tahap
Kemudahan pengajian yang disediakan adalah lengkap dan sangat membantu proses pembelajaran	3.3407	.65353	Sangat Tinggi
Lokasi kampus adalah sangat strategik dan memudahkan	3.1538	.84226	Tinggi
Bidang Pengajian yang ditawarkan menepati kehendak industri	3.3956	.64772	Sangat Tinggi
Biasiswa yang ditawarkan membolehkan pembelajaran dijalankan tanpa kekangan kewangan	3.3407	.84616	Sangat Tinggi
Yuran pengajian yang dikenakan adalah sangat berpatutan dengan kemudahan pembelajaran yang disediakan	3.5604	.60016	Sangat Tinggi
Min keseluruhan	3.3582	.51512	Sangat Tinggi

Jadual 4 menunjukkan bahawa tahap persepsi responden terhadap kemudahan, lokasi dan kos pembelajaran di kolej komuniti secara keseluruhannya adalah sangat tinggi. Item “Kemudahan pengajian yang disediakan adalah lengkap dan sangat membantu proses pembelajaran” mencatatkan skor min sebanyak 3.3407 dengan sisihan piawai 0.65353, yang menunjukkan tahap sangat tinggi. Ini menggambarkan bahawa kemudahan fizikal dan prasarana di kampus seperti bilik kuliah, makmal, perpustakaan dan kemudahan teknologi adalah mencukupi dan memenuhi keperluan pembelajaran pelajar.

Bagi item “Lokasi kampus adalah sangat strategik dan memudahkan”, skor min yang diperoleh ialah 3.1538 dengan sisihan piawai 0.84226, iaitu berada pada tahap tinggi. Dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun majoriti pelajar menganggap lokasi kampus memudahkan, tahap persepsi mereka tidak setinggi faktor lain yang berada pada kategori sangat tinggi. Salah satu kemungkinan ialah faktor lokasi mempunyai impak yang lebih subjektif berbanding aspek lain seperti kemudahan pembelajaran atau kandungan program kerana ia bergantung kepada latar belakang pelajar. Sebagai contoh, pelajar yang tinggal berdekatan mungkin menilai lokasi sebagai sangat strategik, manakala pelajar yang bergantung pada pengangkutan awam atau tinggal jauh akan menilai sebaliknya. Perbezaan persepsi ini menghasilkan skor min yang lebih sederhana. Selain itu, faktor persekitaran seperti ketersediaan kedai, kemudahan sokongan, atau infrastruktur sekitar kampus juga boleh mempengaruhi tahap kepuasan pelajar. Justeru, dapatan ini memberi isyarat kepada pihak pengurusan bahawa faktor lokasi, walaupun berada pada tahap tinggi, masih mempunyai ruang untuk penambahbaikan agar lebih menyokong pengalaman pembelajaran pelajar secara menyeluruh.

Item “Bidang pengajian yang ditawarkan menepati kehendak industri” pula merekodkan skor min 3.3956 dengan sisihan piawai 0.64772, yang berada pada tahap sangat tinggi. Ini menunjukkan bahawa para pelajar yakin bahawa bidang pengajian yang mereka ikuti adalah relevan dan memenuhi

kehendak serta keperluan industri semasa, sekali gus meningkatkan potensi kebolehpasaran mereka selepas tamat pengajian.

Selain itu, item berkaitan sokongan kewangan seperti *“Biasiswa yang ditawarkan membolehkan pembelajaran dijalankan tanpa kekangan kewangan”* memperoleh skor min 3.3407 dengan sisihan piawai 0.84616, juga pada tahap sangat tinggi. Ini menunjukkan bahawa kemudahan biasiswa atau bantuan kewangan yang disediakan oleh institusi dapat membantu mengurangkan beban kewangan pelajar, seterusnya membolehkan mereka memberi tumpuan sepenuhnya kepada pembelajaran.

Menariknya, item *“Yuran pengajian yang dikenakan adalah sangat berpatutan dengan kemudahan pembelajaran yang disediakan”* mencatatkan skor min tertinggi iaitu 3.5604 dengan sisihan piawai 0.60016, yang berada pada tahap sangat tinggi. Ini menunjukkan bahawa pelajar amat berpuas hati dengan struktur yuran yang ditawarkan kerana ia dianggap berbaloi dengan kemudahan dan perkhidmatan yang mereka peroleh sepanjang pengajian.

Secara keseluruhannya, min keseluruhan bagi semua item dalam dimensi ini adalah 3.3582 dengan sisihan piawai 0.51512, yang menunjukkan tahap sangat tinggi. Dapatan ini memperlihatkan bahawa para pelajar memberikan persepsi yang amat positif terhadap kemudahan pembelajaran, sokongan kewangan serta kesesuaian program dengan keperluan industri. Persepsi ini memainkan peranan penting dalam meningkatkan tahap kepuasan pelajar, kesetiaan terhadap institusi dan seterusnya memberi kesan positif kepada reputasi institusi di mata masyarakat dan pihak berkepentingan.

Objektif 3 : Menilai sejauh mana aktiviti pembelajaran membentuk nilai sahsiah

Jadual 5

Aktiviti pembelajaran membentuk sahsiah

Item	Mean	Std. Deviation	Tahap
Aktiviti pembelajaran di kolej komuniti membina daya kreativiti dan inovasi pelajar	3.3516	.63899	Sangat Tinggi
Aktiviti pembelajaran di Kolej Komuniti membantu pelajar berkomunikasi, bergaul dan bekerjasama	3.4396	.58135	Sangat Tinggi
Aktiviti pembelajaran di Kolej Komuniti membentuk nilai kejujuran, kepimpinan dan menepati masa	3.4396	.60016	Sangat Tinggi
Aktiviti pembelajaran di Kolej Komuniti membolehkan pelajar menghasilkan tugas yang berkualiti	3.4286	.59894	Sangat Tinggi
Min keseluruhan	3.4148	.52602	Sangat Tinggi

Jadual 5 menunjukkan persepsi pelajar terhadap aktiviti pembelajaran di kolej komuniti yang membentuk sahsiah berada pada tahap yang sangat tinggi. Item *“Aktiviti pembelajaran di Kolej Komuniti membina daya kreativiti dan inovasi pelajar”* mencatatkan skor min sebanyak 3.3516 dengan sisihan piawai 0.63899, menunjukkan bahawa para pelajar merasakan aktiviti pembelajaran yang dilaksanakan mampu merangsang daya kreativiti serta menggalakkan pemikiran inovatif. Ini bermakna, pendekatan pembelajaran yang digunakan berjaya memberi ruang kepada pelajar untuk berfikir secara kreatif dan menyelesaikan masalah secara inovatif.

Item seterusnya, *“Aktiviti pembelajaran di Kolej Komuniti membantu pelajar berkomunikasi, bergaul dan bekerjasama”*, memperoleh skor min 3.4396 dengan sisihan piawai 0.58135, berada pada tahap sangat tinggi. Dapatan ini menunjukkan bahawa aktiviti yang dijalankan di kolej memberi impak besar kepada pembangunan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar, terutamanya dari

aspek komunikasi, kerjasama dalam kumpulan serta keupayaan bergaul dengan rakan-rakan dan komuniti sekeliling.

Selain itu, item "*Aktiviti pembelajaran di Kolej Komuniti membentuk nilai kejujuran, kepimpinan dan menepati masa*" turut merekodkan skor min 3.4396 dengan sisihan piawai 0.60016, yang juga berada pada tahap sangat tinggi. Ini membuktikan bahawa aktiviti yang diterapkan bukan sahaja bersifat akademik semata-mata, tetapi turut memberi penekanan kepada pembentukan sahsiah dan nilai murni dalam kalangan pelajar, termasuk aspek integriti, kepimpinan dan disiplin masa.

Item "*Aktiviti pembelajaran di Kolej Komuniti membolehkan pelajar menghasilkan tugas yang berkualiti*" turut mencatatkan skor min yang tinggi iaitu 3.4286 dengan sisihan piawai 0.59894, yang berada dalam kategori sangat tinggi. Ini jelas menunjukkan bahawa kaedah pembelajaran yang diterapkan berkesan dalam membantu pelajar memahami kandungan pembelajaran dengan baik sekaligus menghasilkan tugas yang berkualiti tinggi dan menepati piawaian akademik.

Secara keseluruhannya, min keseluruhan bagi semua item dalam dimensi ini ialah 3.4148 dengan sisihan piawai 0.52602, yang berada pada tahap sangat tinggi. Ini membuktikan bahawa para pelajar mempunyai persepsi yang amat positif terhadap keberkesanan aktiviti pembelajaran di Kolej Komuniti. Dapatan ini turut memberi isyarat bahawa pendekatan pembelajaran yang dijalankan bukan sahaja berkesan dalam penyampaian ilmu tetapi juga berupaya membina kemahiran insaniah, nilai murni serta keupayaan menghasilkan kerja yang berkualiti dalam kalangan pelajar. Persepsi positif ini penting bagi memastikan kualiti pendidikan yang holistik dan seimbang, seterusnya menyumbang kepada pembangunan modal insan yang berkualiti dan berdaya saing.

5. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, hasil kajian ini menunjukkan bahawa persepsi pelajar terhadap kesesuaian program pengajian, kemudahan pembelajaran dan keberkesanan aktiviti pembelajaran di Kolej Komuniti adalah pada tahap sangat tinggi. Dapatan ini menegaskan bahawa bidang pengajian yang ditawarkan bukan sahaja selari dengan minat dan kehendak pelajar tetapi juga memenuhi keperluan industri semasa. Kepuasan pelajar terhadap kemudahan fizikal, kos pembelajaran yang berpatutan serta sokongan kewangan turut memperkukuh pengalaman pembelajaran mereka. Di samping itu, aktiviti pembelajaran terbukti membantu membentuk sahsiah dan kemahiran insaniah seperti kepimpinan, komunikasi dan kerjasama, menjadikan pelajar lebih bersedia menghadapi cabaran dunia pekerjaan.

Walau bagaimanapun, kajian ini juga menunjukkan ruang penambahbaikan, khususnya berkaitan faktor lokasi kampus yang hanya berada pada tahap tinggi. Hal ini memberi isyarat bahawa aspek persekitaran dan aksesibiliti perlu diberi perhatian bagi meningkatkan lagi tahap kepuasan pelajar. Dari sudut implikasi, kejayaan Kolej Komuniti dalam menyediakan pendidikan berkualiti bergantung pada keupayaannya memahami keperluan pelajar serta menyesuaikan program dengan tuntutan industri.

Bagi kajian lanjutan, beberapa cadangan boleh dipertimbangkan. Pertama, skop kajian wajar diperluaskan ke lebih banyak Kolej Komuniti di negeri atau zon berbeza agar dapatan lebih menyeluruh. Kedua, pendekatan *mixed method* boleh digunakan untuk mendapatkan data yang lebih mendalam terutamanya berkaitan pengalaman sebenar pelajar. Selain itu, fokus kepada kebolehpasaran graduan selepas tamat pengajian dapat menilai sejauh mana program benar-benar memenuhi keperluan industri. Kajian masa depan juga boleh menilai kepuasan tenaga pengajar terhadap kemudahan dan sokongan institusi kerana peranan mereka penting dalam menentukan kejayaan pelajar. Akhir sekali, kajian mengenai impak aktiviti kokurikulum dan latihan industri

terhadap pembangunan sahsiah serta kemahiran insaniah pelajar wajar diteroka untuk memberi gambaran yang lebih holistik tentang keberkesanan pendidikan di Kolej Komuniti.

Rujukan

- [1] D. P. L. J. W. S. R. A. & T. H. E. Corts, "Assessing undergraduate satisfaction with an academic major: A new measure and its relationship to student characteristics," *Journal of Career Assessment*, pp. 294-307, 2012. <https://doi.org/10.1177/1069072711434076>
- [2] V. Tinto, *Leaving college: Rethinking the causes and cures of student attrition* (2nd ed.), University of Chicago Press., 1993.
- [3] M. & H. R. Gunarto, "The effect of student co-creation experience on satisfaction and loyalty.," *International Journal of Education and Research*, vol. 8, no. 4, pp. 135-144, 2020.
- [4] N. (. A. A. Association), *The Role of Academic Advising in Student Success*, NACADA Clearinghouse., 2024.
- [5] L. B. S. J. R. M. J. B. N. H. A. A. M. S. K. L. & D. L. R. B. Spanierman, "Factors influencing sense of belonging in college students.," *Journal of Diversity in Higher Education*, vol. 6, no. 3, pp. 177-191, 2013. <https://doi.org/10.1037/a0033162>
- [6] L. Taylor, "Creativity through student leadership: A qualitative investigation," *Creative Education Journal*, vol. 14, no. 5, pp. 444-458, 2023. <https://doi.org/10.4236/ce.2023.145029>
- [7] Y. & W. R. Kim, "Student leadership and the development of core soft skills in higher education," *Journal of Student Affairs Research and Practice*, vol. 59, no. 2, pp. 123-139, 2022. <https://doi.org/10.1080/19496591.2021.1878077>
- [8] Amjad, Amjad Islam, Laraib Arshad, and Zahra Saleem. "Mediational effect of students' creativity on the relationship between leadership on academic success: well-being as moderator." *Educational Research and Innovation* 4, no. 01 (2024): 1-23. <https://doi.org/10.1037/edu0000827>
- [9] K. A. Bruffee, *Collaborative learning: Higher education, interdependence, and the authority of knowledge*, Johns Hopkins University Press., 2024.
- [10] Freeman, Scott, Sarah L. Eddy, Miles McDonough, Michelle K. Smith, Nnadozie Okoroafor, Hannah Jordt, and Mary Pat Wenderoth. "Active learning increases student performance in science, engineering, and mathematics." *Proceedings of the national academy of sciences* 111, no. 23 (2014): 8410-8415. <https://doi.org/10.1073/pnas.1319030111>
- [11] R. V. & M. D. W. Krejcie, *Determining sample size for research activities*. Educational and Psychological Measurement, 1970. <https://doi.org/10.1177/001316447003000308>
- [12] Y. P. Chua, McGraw-Hill Education., 2013 *Asas statistik penyelidikan: Buku 2. Analisis data skala ordinal dan skala nominal*.
- [13] L. P. & B. A. Zaidatol Akmaliah, *Penyelidikan pendidikan dan sains sosial*, Penerbit Universiti Putra Malaysia., 2009.